



PROCEEDING OF THE

5th

ICICM

INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIC
CONTEMPORARY ISSUES AND MANAGEMENT




2025



✿ EDITOR ✿

DR. MOHAMMAD DHIYA'UL HAFIDH BIN FATAH YASIN
DR. SHOHIBUDDIN BIN HJ. LAMING
ALI BIN ABDUL JALIL
MOHD SHAUQI BIN SAIFUL SUHARDI





5th

PROCEEDING OF THE

ICICM

INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIC
CONTEMPORARY ISSUES AND MANAGEMENT



2025



EDITOR

DR. MOHAMMAD DHIYA'UL HAFIDH BIN FATAH YASIN
DR. SHOHIBUDDIN BIN HJ. LAMING
ALI BIN ABDUL JALIL
MOHD SHAUQI BIN SAIFUL SUHARDI



**PROCEEDING OF THE 5TH ICICM 2025
INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIC
CONTEMPORARY ISSUE AND MANAGEMENT**

© Penerbit UniSIRAJ
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA TUANKU SYED SIRAJUDDIN

• • • • •
This proceeding published annually
• • • • •

All rights reserved. No part of this article, illustrations or the content of this book may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopying, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UniSIRAJ.

eISSN 3120-3531



eISSN: 3120-3531

Published & distributed by:
Penerbit UniSIRAJ
Universiti Islam Antarabangsa
Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)
Lot 18 – 27, Rumah Kedai Dua Tingkat,
Taman Seberang Jaya Fasa 3,
02000 Kuala Perlis, Perlis.
Email: penerbit@unisiraj.edu.my

DISCLAIMER

All views, opinions, and ideas in the writing of this research paper are the responsibility of the researcher. Publication of these materials does not indicate endorsement of the researcher's opinion by the International Conference on Islamic Contemporary and Management (ICICM).

TABLE OF CONTENTS

WELCOME MESSAGE RECTOR OF KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS

ix

WELCOME MESSAGE DIRECTOR OF PROCEEDING OF THE

4th INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIC CONTEMPORARY & MANAGEMENT 2024 xi

	TAJUK	HALAMAN
1	PRINSIP FIQH AL-MA'ĀLĀT BERDASARKAN KAEDAH WASILAH AL-MUHARRAM MUHARRAMAH WA WASILAH AL-WĀJIB WĀJIBAH <i>Nik Faisal Nik Ismail, Basri Ibrahim & Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asni</i>	2
2	APABILA KATA-KATA MEMBUNUH: REFLEKSI HUKUM ISLAM TERHADAP BUNUH DIRI AKIBAT PEMBULIAN SIBER <i>Ahmad Bin Ismail</i>	20
3	PENGHAYATAN AL-QURAN DAN SUNNAH DALAM EKONOMI DALAM MENDEPANI CABARAN KECERDASAN BUATAN (AI) <i>Fatima Az Zahra binti Mohd Yusoff & Muhammad Lukman Mat Sin</i>	47
4	PENGHAYATAN AKHLAK BERDASARKAN AL-QURAN DAN SUNNAH DALAM MENDEPANI CABARAN KECERDASAN BUATAN (AI) <i>Puteri Nurul Faezzah Kifflee & Muhammad Lukman Mat Sin</i>	57
5	PENGHAYATAN AL-QURAN DAN SUNNAH DALAM POLITIK DALAM MENDEPANI CABARAN KECERDASAN BUATAN (AI) <i>Ameer Adam Hayzen Azizan & Muhammad Lukman Mat Sin</i>	82
6	PENGHAYATAN AL-QURAN DAN SUNNAH DALAM INSTITUSI KELUARGA DAN MASYARAKAT DALAM MENGADAPI KECERDASAN BUATAN <i>'Ezz bin Amiruldin & Muhammad Lukman Mat Sin</i>	94
7	PENGHAYATAN AL QURAN DAN SUNNAH DALAM PENDIDIKAN DALAM MENDEPANI CABARAN KECERDASAN BUATAN (AI) <i>Muhammad Ridhwan Muhammad Ihsan & Muhammad Lukman Mat Sin</i>	101
8	ANALISIS HUKUM FIQH BERKAITAN KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA <i>Ahmad Syihan Bin Ismail</i>	111
9	WACANA PERSUASIF DALAM INTERAKSI INTERPERSONAL: RESPON TERHADAP ISU SEMASA <i>Azean Idruwani Idrus, Lilisuriani Abdul Latif @ Bapoo & Nur Iylia Mohd Noor Be</i>	123
10	REALITI AMALAN KEWANGAN ISLAM: PERBANDINGAN KRITIS ANTARA TAWARRUQ DAN PINJAMAN BERASASKAN RIBA DALAM KERANGKA MAQASID SYARIAH <i>Muhammad Luthfi bin Mohammad Masruh</i>	140
11	REALITI DAN CABARAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN KURSUS FIQH IBADAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) <i>Nor Musfirah Mohamad, Amirah Izzati Omar, Noorkartina Mohamad & Nur Fatin Nabilah Shahrom</i>	158
12	PERANAN PENGURUSAN PENGETAHUAN SEBAGAI FAKTOR MODERASI DALAM MENGAJAI FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT UNTUK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN LOGISTIK HALAL DENGAN INTEGRASI AI DI KALANGAN PKS DI MALAYSIA <i>Mohammad Hasbullah Shaik Ismail, Muhammad Aizat Md Sin, Abdul Ghafur Hanafi & Nor Izham Subri.</i>	174
13	KEBERKESANAN AI DALAM MENJAWAB ISU AJARAN MERAGUKAN OLEH HANAFI AHMAD PENGASAS SILAT CEKAK <i>Nazmi Qayyum bin Hamdan, Mohd Ashraf bin Mohd Nor & Mohammad Aiman bin Azmi</i>	196

14	ANALISIS MODUL TAJWID VISUAL INTERAKTIF BERASASKAN AL-TAJWID AL-MUSAWWAR: KAJIAN CAMPURAN DALAM KALANGAN MAHASISWA UNISIRAJ <i>Maryam Razali, Hawla Shabrina Jamila, Muhammad Adam Sofyani, Hossameldin Abdalla Ahmed Mahmoud, Abdul Wahhab Al-Haddad & Mohamad Hafiz Darpen</i>	216
15	METODOLOGI DAN SUMBANGAN IBNU SINA : KAJIAN TERHADAP KARYA AHWAL AN-NAFSI <i>Ibtisam Mohamad, Khalilullah Amin Ahmad & Sohibuddin Laming</i>	238
16	REVOLUSI AI DALAM TERJEMAHAN SASTERA: ANALISIS BIBLIOMETRIK TERHADAP TREND, CABARAN DAN POTENSI <i>Muhammad Firdhaus Zulkifli, Mohammad Roshimi Abdullah, Ahmad Akmal Wan Muhayudin & Mohd Zaki Shahabuddin</i>	253
17	APLIKASI FIQH KEUTAMAAN DALAM FATWA KONTEMPORARI DI MALAYSIA: SATU KAJIAN TEMATIK <i>Mohd Zulhamdi bin Zainol Abidin & Basri bin Ibrahim</i>	279
18	PENDEKATAN SYARIAH ISLAM DALAM MEMENUHI KEPERLUAN IBADAH WARGA EMAS <i>Umar Muhammmad Malcolm & Mohamad Hafiz Darpen</i>	292
19	KRITIKAN AL-ALBANI TERHADAP PENGGUNAAN HADITH DAIF OLEH SAYYID SABIQ DALAM FIQH AL-SUNNAH <i>Mohamad Ehsan Bin Seabri & Roshimah Binti Shamsudin</i>	308
20	PENDEKATAN GENERASI SALAF DALAM BERINTERAKSI DENGAN HADITH-HADITH FITAN: KAJIAN DARI PERSPEKTIF SYARAH HADITH <i>Roshimah Shamsudin & Mohd Azam Abdullah</i>	326
21	MANHAJ AL-'AJLUNI DALAM KASHF AL-KHAFA WA MUZIL AL- ILBAS DALAM MENILAI HADITH PALSU <i>Siti Nurzulaikha 'Asri & Ali Abdul Jalil</i>	340
22	MANHAJ SYARAH HADITH RIYADH AS-SALIHIN: KAJIAN TERHADAP KITAB NUZHAT AL-MUTTAQIN <i>Maryam Al Adzra Mohd Zawawi & Ali Abdul Jalil</i>	354
23	KHALIFAH MU'AWIYAH BIN ABI SUFYAN: PENILAIAN SEMULA TERHADAP FITNAH GOLONGAN SYIAH BERDASARKAN PERSPEKTIF AHLI SUNNAH WAL-JAMAH <i>Farid Ammar bin Mat Shahri, Isaad Muadzzam Bin Mohd Ismail & Ali Abdul Jalil</i>	365
24	INSTRUMEN HIBAH DAN WASIAT SEBAGAI ALTERNATIF PERANCANGAN HARTA PUSAKA BAGI MUALAF: ANALISIS PERUNDANGAN DAN PELAKSANAAN <i>Siti Fadhilah Ghazali</i>	385
25	A LEGAL APPRAISAL OF MALAYSIA'S PRIVACY FRAMEWORK IN THE ERA OF DIGITAL TRANSFORMATION <i>Suharne Ismail, Zati Hanani Ismail & Siti Farhana Hasanudin</i>	401
26	UPHOLDING THE TRUST OF KHILAFAH: AI ENHANCED GREEN ACCOUNTING IN UNIVERSITY SOCIAL RESPONSIBILITY <i>Fathinah Ismail, Qatrun Nada Mat Saad, Noor Saidatul Natrah Saaidun, Rabiatul Adawiyah Safiee, Fazlin Hiriyati Nik Jaafar & Nurul Husna Mat Isa</i>	415
27	HE SAYS, SHE SAYS: GENDER DIFFERENCES IN USE OF PERSUASIVE APPEALS, POLITENESS STRATEGIES AND GRAMMATICAL MOOD ACROSS SOCIAL POWER COMMUNICATION CONTEXTS <i>Nur Ilyia binti Mohd Noor Be, Lilisuriani Binti Abdul Latif @ Bapoo, Azean Idruwani Binti Idrus & Batrisyia binti Umu Aiman</i>	432
28	EMOTION REGULATION AMONG SINGLE MOTHERS IN MALAYSIA: THEMATIC ANALYSIS IN LIGHT OF PROPHETIC PRACTICES <i>Siti Aidah Binti Tulimin & Roshimah Shamsuddin</i>	451
29	APPLYING (ACTFL) STANDARDS TO ARABIC LANGUAGE EDUCATION AND THE CHALLENGES OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE: AN ANALYTICAL STUDY <i>Abdallah Saleh Abdallah, Abdulwahab Abdulaziz Kassem Al-Haddad, Noor Husna Binti Talib, Mohamed Abdelrahman Ibrahim & Muhammad Akmal Zolmaily</i>	468

30	MODEL SEHAT DAN PENGURUSAN APPLIED SUNNAH: INTERVENSI KETAGIHAN PORNOGRAFI ERA KECERDASAN BUATAN <i>Dhamirah Nursakinah Binti Mohamad Safir & Siti Muniroh Binti Arshad</i>	487
31	APPLYING RISALAH ISLAM BERKEMAJUAN TO ADDRESS AI CHALLENGES: A MUHAMMADIYAH PERSPECTIVE <i>Mamdukh Budiman, Sohirin Mohammad Solihin & Zubaidi Wahyono</i>	508
32	THE USE OF TECHNOLOGY IN ARABIC LANGUAGE LEARNING: A LITERATURE REVIEW <i>Ku Mohd Syarbaini Ku Yaacob & Muhamad Husni Haji Hasbullah</i>	527
33	BIBLIOMETRIC ANALYSIS ON TRENDS AND THEMES IN HALAL RESEARCH <i>Muhamad Husni Hasbulah, Muhammad Haziq Hassan & Muhamad Hafiz Hassan</i>	542
34	MAPPING THE LANDSCAPE OF AI IN HALAL MANAGEMENT: A BIBLIOMETRIC ANALYSIS USING SCOPUS (2010–2025) <i>Muhammad Haziq Hassan & Muhammad Firdhaus Zulkifli</i>	562
35	AI AND ISLAMIC FINANCIAL INSTITUTIONS: A BIBLIOMETRIC STUDY ON ACCOUNTING AND FINANCE <i>Syarifah Fairuz Binti Syed Radzuan & Azura Binti Mohd Noor</i>	584
36	إدارة الفصول في التدريس بجامعة الملك السيد سراج الدين الإسلامية العالمية : دراسة ميدانية <i>Shohibuddin bin Laming & Wafa Abdul Jabbar</i>	609
37	الإمام الذاني وجهوده في علم التجويد <i>Hossameldin Abdalla Ahmed Mahmoud</i>	638
38	الضوابط الشرعية لاستخدام التكنولوجيا الحديثة من منظور القرآن والسنة <i>Ashraf Hassan Mohamed Hassan, Fariza Hanan Binti Muhamad & Anis Sabirin Binti Mazlan</i>	651
39	المنهج العلمي في شرح منحة العلام على بلوغ المرام من أدلة الأحكام في كتاب الطهارة <i>Hamidou Tounkara & Ali Abdul Jalil</i>	672
40	الهمز والإدغام الصغير بين العشر النافعية والطبية: الأصبهاني نموذجاً <i>Amir Adel Mabrouk Eldeib</i>	682
41	أهمية إنشاء بيت الزكاة في نمو الاقتصاد في شمال شرقي نيجيريا <i>Shamsuddeen Umar Ilyas</i>	697
42	واقع اللغة النبوية في بناء الوعي وتهذيب الأخلاق لمواجهة تحديات الذكاء الاصطناعي <i>Mashitah Binti Marzuki</i>	712
43	واقع تعليم اللغة العربية للناطقين بغيرها في ظل تحديات الذكاء الاصطناعي <i>Abdul Wahhab Bin Abdul Aziz Qasim Al-Haddad & Abdallah Saleh Abdallah</i>	727

Wacana Persuasif Dalam Interaksi Interpersonal: Respon Terhadap Isu Semasa

[Persuasive Discourse In Interpersonal Interaction: Responses To Current Issues]

Azean Idruwani Idrus (*Corresponding author*)

Jabatan Bahasa Melayu,

Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, 84600, Muar

Johor, Malaysia

[*azeanidruwaniidrus@iium.edu.my*](mailto:azeanidruwaniidrus@iium.edu.my)

Lilisuriani Abdul Latif @ Bapoo

Jabatan Bahasa Inggeris,

Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, 84600, Muar

Johor, Malaysia

[*lilisuriani@iium.edu.my*](mailto:lilisuriani@iium.edu.my)

Nur Iylia Mohd Noor Be

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum,

Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),

Perlis, Malaysia

[*nuriylia@kuips.edu.my*](mailto:nuriylia@kuips.edu.my)

ABSTRAK

Isu sosial yang semakin kompleks memberi kesan mendalam terhadap kesejahteraan mental individu, khususnya dalam persekitaran yang sarat dengan maklumat dari media sosial. Penggunaan bahasa yang menarik dan berkesan dalam interaksi sosial dapat membantu individu menghadapi tekanan melalui wacana persuasif yang disampaikan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis strategi persuasif yang digunakan dalam komunikasi interpersonal, khususnya dalam konteks respons terhadap isu semasa. Pendekatan analisis kandungan kualitatif digunakan bagi menganalisis pelbagai bentuk ujaran persuasif yang digunakan dalam komunikasi sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen pathos lebih dominan dalam interaksi sosial apabila individu berdepan dengan tekanan akibat isu semasa. Selain itu, strategi imperatif dan indikatif digunakan untuk memberikan sokongan emosi dan cadangan penyelesaian kepada individu yang mengalami tekanan. Hasil analisis juga mendapati bahawa penggunaan strategi ini berkesan dalam mengekalkan keseimbangan emosi serta menggalakkan pemikiran yang lebih rasional dalam menghadapi isu semasa. selain dapat memberikan impak yang besar

terhadap kesejahteraan mental individu. Sehubungan itu, dalam kerangka komunikasi harian, penerapan bahasa persuasif perlu diberi perhatian secara kritikal sebagai satu bentuk kompetensi komunikasi yang bukan sahaja menyumbang kepada keberkesanan interaksi sosial, tetapi juga kesejahteraan psikososial secara menyeluruh. Justeru, adalah penting bagi individu menguasai strategi persuasif yang etikal, empatik dan bersesuaian konteks sebagai sebahagian daripada amalan komunikasi yang sihat dan menyantuni nilai kemanusiaan.

Kata kunci: Wacana, Persuasif, Interaksi Sosial, Kesejahteraan Mental, Media Sosial

PENDAHULUAN

Wacana persuasif merujuk kepada bentuk ujaran yang berfungsi untuk mempengaruhi dan meyakinkan pemikiran, sikap serta tingkah laku pendengar secara tersusun dan strategik. Melalui pendekatan ini, penutur berusaha membentuk persepsi dan keyakinan pendengar tanpa menggunakan unsur paksaan (Keraf, 2007). Kecekapan retorik dan kehalusan bahasa menjadi alat utama dalam memastikan mesej dapat disampaikan secara efektif dan diterima dengan baik. Proses ini mencerminkan keterampilan komunikasi yang tinggi, di mana penutur bukan sahaja menyampaikan maklumat, tetapi juga berupaya mengubah pandangan atau pendirian individu terhadap sesuatu isu secara halus dan beretika (Ganisya Tripangestuti Dewi et al., 2022). Pendekatan ini bukan sahaja memupuk pemahaman yang lebih mendalam, malah mewujudkan suasana komunikasi yang lebih terbuka, rasional dan inklusif, sekali gus meningkatkan keberkesanan komunikasi dalam pelbagai konteks sosial dan profesional.

Arus globalisasi dan kemajuan teknologi maklumat telah mentransformasikan pola interaksi manusia, menjadikannya lebih dinamik dan fleksibel dalam konteks komunikasi. Salah satu impak ketara ialah kemunculan media baharu atau media digital sebagai medium utama bagi transaksi maklumat, komunikasi sosial, dan pembinaan jaringan hubungan (Siti Aisyah Hajar et al., 2021). Dalam era digital ini, media sosial tidak lagi sekadar berperanan sebagai platform hiburan, bahkan telah berkembang menjadi wadah dominan untuk penyebaran maklumat, menyuarakan pandangan serta membentuk komuniti maya. Interaksi sosial kini tidak lagi terbatas kepada bentuk komunikasi lisan atau tulisan konvensional, sebaliknya telah beralih kepada pelantar digital yang bersifat segera dan interaktif. Statistik semasa menunjukkan kadar penggunaan aplikasi media sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah tinggi, dengan WhatsApp (86.5%), Facebook (77.1%),

Instagram (39.2%), Telegram (23.2%), X (11.7%) dan LinkedIn (4.8%) menjadi antara platform yang paling aktif digunakan (Kosmo, 2025).

Meskipun media sosial menawarkan pelbagai manfaat dalam memperluas jaringan komunikasi manusia secara global, hakikatnya platform ini turut mendatangkan implikasi negatif yang signifikan terhadap kesejahteraan emosi pengguna (Tansah Rahmatullah, 2021). Implikasi ini menjadi lebih ketara apabila pengguna terdedah secara berterusan kepada kandungan yang bersifat provokatif, tidak sahih, atau menyentuh isu-isu sensitif yang berupaya menggugat keseimbangan emosi individu (Abdul Rashid Abdul Aziz et al. 2021). Kandungan seumpama ini berpotensi memanipulasi audiens secara emosional, kognitif dan afektif, sekali gus menjejaskan persepsi terhadap kredibiliti penutur serta merencatkan kestabilan mental pengguna. Selain itu, interaksi digital yang dipenuhi dengan ujaran ketidaksantunan turut menjadi pencetus tekanan emosi seperti perasaan rendah diri, keraguan sendiri dan penurunan keyakinan sosial dalam kalangan pengguna. Dalam konteks ini, penggunaan bahasa persuasif dalam komunikasi harian semakin menuntut perhatian, memandangkan pendekatannya menjadi semakin kompleks, halus dan dinamik dalam era komunikasi digital. Strategi persuasif yang digunakan dalam wacana komunikasi memainkan peranan kritikal dalam mempengaruhi persepsi, sikap dan tindakan khalayak terhadap isu-isu semasa (Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim, 2023).

Justeru itu, analisis terhadap bentuk, teknik dan dimensi linguistik persuasif amat diperlukan bagi menyingkap bagaimana bahasa digunakan secara strategik dalam menangani tekanan psikososial yang timbul akibat paparan kepada isu-isu semasa yang bersifat emosional dan kontroversial. Maka kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis strategi persuasif yang diaplikasikan dalam komunikasi interpersonal, khususnya dalam wacana yang bertujuan memberikan respons terhadap tekanan emosi yang dialami oleh individu akibat keterdedahan kepada kandungan digital semasa. Pendekatan ini diharap dapat memberikan sumbangan terhadap pemahaman lebih mendalam tentang hubungan antara bahasa, emosi dan kesejahteraan psikologi dalam ekosistem komunikasi kontemporari.

SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Nia Ramadhani et al. (2024) meneliti dinamika konflik buli dalam konteks institusi pendidikan Islam di Indonesia, khususnya di pondok pesantren, dengan menumpukan perhatian terhadap keberkesanan strategi komunikasi persuasif sebagai

pendekatan penyelesaian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi pendekatan kajian literatur untuk mengenal pasti punca, corak, dan strategi pengurusan konflik buli dalam persekitaran pendidikan berasrama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komunikasi persuasif didapati sebagai strategi yang berpotensi mengurangkan konflik secara signifikan. Pendekatan ini bukan sahaja berupaya mendekonstruksi corak komunikasi berkonfrontasi yang lazim berlaku dalam konflik buli, tetapi turut menawarkan saluran komunikasi alternatif yang lebih kondusif dan beretika. Keberkesanan komunikasi persuasif dilihat bergantung pada keupayaan pelaku pendidikan dalam membina kredibiliti, empati, dan pengaruh positif melalui dialog yang inklusif dan membina. Oleh itu, strategi ini menyokong pembentukan persekitaran asrama yang lebih harmoni serta menekankan kepentingan nilai-nilai pendidikan Islam seperti kasih sayang, hormat, dan tanggungjawab sosial.

Kajian oleh Dewi dan Haziq Aisha (2021) memberikan tumpuan terhadap keberkesanan penggunaan bahasa retorik dalam wacana rasmi kerajaan, khususnya dalam konteks penyampaian maklumat semasa krisis kesihatan awam. Kajian ini menekankan bahawa kejayaan sesuatu penyampaian maklumat tidak hanya bergantung pada kandungan, tetapi turut dipengaruhi oleh kesesuaian individu penyampai, alat komunikasi dan saluran yang digunakan. Penggunaan bahasa retorik dalam perutusan rasmi dianalisis sebagai medium yang tidak sekadar berfungsi untuk menyampaikan maklumat secara literal, tetapi juga sebagai wahana untuk membentuk emosi, pemikiran, dan persepsi khalayak terhadap wacana yang disampaikan. Retorik bukan sahaja dimanfaatkan untuk memperkukuh kekuasaan politik, malah memainkan peranan yang signifikan dalam mewujudkan keharmonian sosial dan mengukuhkan sistem pemerintahan melalui pemupukan nilai kesaksamaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan hanya empat jenis retorik dominan yang digunakan, iaitu teknik pendedahan (34%), penerangan (30%), persuasif (33%) dan penghujahan (3%). Statistik ini mengindikasikan bahawa strategi persuasif dan pendedahan lebih banyak digunakan untuk merangsang penerimaan khalayak terhadap dasar dan tindakan kerajaan semasa pandemik. Manakala teknik penghujahan, yang lazimnya menuntut bukti dan hujah logikal yang lebih kompleks, kurang digunakan dalam konteks wacana krisis yang memerlukan penyampaian pantas dan meyakinkan.

Siti Marina Kamil (2022) menganalisis penggunaan daya tarikan retorik dalam ucapan-ucapan Mahathir Mohamad yang disampaikan semasa kemunculan semula beliau

sebagai Perdana Menteri ketujuh Malaysia. Aspek khusus yang dikaji merangkumi: (1) sejauh mana daya tarikan logos, pathos dan ethos digunakan; (2) penggunaan ayat aktif dan pasif dalam penetapan tanggungjawab; dan (3) penggunaan kata ganti nama diri dalam strategi retorik yang digunakan. Sebanyak enam teks ucapan politik Mahathir Mohamad dalam bahasa Melayu yang disampaikan antara tahun 2018 hingga 2020 dengan jumlah keseluruhan 13,000 patah perkataan telah dianalisis menggunakan kerangka bukti retorik Aristotle. Hasil kajian mendapati bahawa Mahathir Mohamad lebih cenderung menggunakan logos (56.17%) dan pathos (39.63%), manakala penggunaan ethos adalah amat minimum (4.20%). Ini menunjukkan bahawa beliau menampilkan diri sebagai seorang pemimpin politik yang bergantung kepada hujah rasional dan kedudukan beliau sebagai jurucakap gabungan pemerintah dan kerajaan, yang digambarkan melalui penggunaan kata ganti nama “kita” (termasuk penutur dan pendengar) sebanyak 50.26% daripada keseluruhan kata ganti nama yang digunakan. Walau bagaimanapun, dalam konteks situasi yang meresahkan, Mahathir cenderung menggunakan daya tarikan pathos dan penggunaan kata ganti nama “saya” secara lebih kerap untuk menggambarkan interpretasi peribadi terhadap isu tertentu serta keupayaan untuk menyesuaikan strategi retorik mereka mengikut konteks situasi dan profil khalayak secara berkesan.

Muhammad Faris Akram Rustudan Azean Idruwani Idrus (2024) Kajian ini dijalankan dengan matlamat utama untuk mengenal pasti teknik-teknik retorik yang diaplikasikan oleh penyanyi dan penulis lirik terkenal tanah air, Malique, khususnya dalam lagu *Temannya Pengganti*, serta menganalisis faktor yang mempengaruhi penggunaannya. Mengambil pendekatan deskriptif dan berpanduan Teori Retorik Modern oleh Enos dan Brown (1993), kajian ini menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan. Pendekatan analisis ini dilaksanakan secara tekstual dan kontekstual bagi menganalisis isi kandungan lirik lagu secara mendalam dan sistematik. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga bentuk utama retorik dalam pembinaan lirik lagu tersebut, iaitu retorik naratif, retorik pemerian dan retorik pujukan. Retorik naratif digunakan untuk menyampaikan cerita yang mempunyai kronologi dan perkembangan emosi, membolehkan pendengar menelusuri perjalanan makna yang diungkapkan. Retorik pemerian pula digunakan untuk mencipta gambaran visual dan emosi yang hidup, manakala retorik persuasif berfungsi untuk mempengaruhi persepsi dan reaksi pendengar terhadap mesej yang disampaikan oleh penyampai. Penerapan retorik yang berkesan dalam lirik bukan sahaja menjadikan karya lebih menarik, tetapi juga membolehkan mesej disampaikan

secara halus namun mendalam. Khususnya dalam Teman Pengganti, penggunaan retorik memberi kedalaman naratif, membangkitkan empati pendengar, dan menggerakkan tindak balas emosi serta kognitif yang signifikan.

Syaza Fuhat dan Juliana Abdul Wahab (2024) Retorik politik berperanan penting dalam membentuk wacana awam serta persepsi masyarakat terhadap isu-isu kritikal seperti rasuah, integriti dan kebertanggungjawaban politik. Dalam konteks demokrasi moden, kemampuan sesebuah wacana retorik untuk mempengaruhi pemikiran dan sikap khalayak memainkan peranan signifikan dalam menentukan tahap kepercayaan terhadap institusi politik serta kecenderungan sokongan terhadap tokoh atau parti politik tertentu. Dalam konteks sedemikian, wacana anti-rasuah bukan sekadar naratif pembaikan institusi, sebaliknya menjadi alat retorik untuk mempertahankan kedudukan politik dan membentuk persepsi awam terhadap legitimasi kepimpinan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara kritis strategi retorik yang digunakan oleh Dato' Sri Najib Tun Razak dalam respons beliau terhadap dakwaan dan keputusan kehakiman berkaitan isu rasuah, yang telah mencetuskan perdebatan meluas dalam ruang awam dan media. Berdasarkan analisis kandungan kualitatif terhadap 21 siaran berita daripada saluran ASTRO Awani, kajian ini menggunakan kerangka teori triadik Aristotle yang merangkumi elemen ethos (kredibiliti), pathos (emosi), dan logos (penaakulan logik) sebagai asas dalam menilai bentuk dan fungsi strategi persuasif yang diaplikasikan. Penemuan kajian menunjukkan bahawa Najib Razak lebih cenderung menggunakan elemen logos dan pathos dalam wacana beliau. Strategi ini merangkumi penggunaan hujah-hujah logik yang menyusun naratif pembelaan diri serta eksploitasi daya tarikan emosi untuk membina simpati khalayak. Sebaliknya, penggunaan ethos, iaitu usaha untuk mempamerkan integriti atau kredibiliti moral secara eksplisit, adalah minimum dan terhad dalam siaran yang dianalisis. Penggunaan selektif strategi retorik ini mencerminkan pendekatan komunikasi yang dirancang dengan teliti dalam usaha mempengaruhi tanggapan masyarakat terhadap dirinya di tengah-tengah krisis undang-undang yang serius.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang telah dianalisis, dapat dirumuskan bahawa wacana persuasif telah diberi perhatian dalam pelbagai konteks seperti pendidikan Islam (Nia Ramadhani et al., 2024), perutusan rasmi kerajaan semasa krisis kesihatan (Dewi & Haziq Aisha, 2021), retorik politik (Siti Marina Kamil, 2022; Syaza Fuhat & Juliana Abdul Wahab, 2024), serta penulisan lirik lagu (Muhammad Faris Akram & Azean Idruwani, 2024). Namun begitu, didapati bahawa kesemua kajian ini lebih tertumpu kepada analisis retorik dalam medium yang terstruktur seperti teks rasmi, lirik lagu, dan ucapan politik dan

kajian yang secara spesifik meneliti wacana persuasif dalam interaksi sosial harian, khususnya dalam konteks reaksi atau respons masyarakat terhadap isu semasa. Justeru kajian ini, penting bagi memahami bagaimana bahasa digunakan secara strategik oleh masyarakat biasa untuk mempengaruhi pandangan, mengekspresikan pendirian, dan merunding makna terhadap pelbagai isu semasa yang berlegar dalam ruang sosial, baik secara fizikal mahupun maya.

METODOLOGI

Sampel Kajian dan Pengumpulan Data

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang dijalankan di Kulliyah Pelancongan Mampan Dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ). Seramai 106 orang pelajar terlibat sebagai sampel kajian ini. Setiap responden diminta membaca arahan sebelum menjawab soal selidik dan menjawab soal selidik berdasarkan situasi itu semasa yang diberikan. Soal selidik yang telah dijawab dikumpulkan serta disemak terlebih dahulu bagi memastikan sampel memberikan jawapan yang lengkap sebelum data dianalisis.

Soal Selidik Kajian

Instrumen soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A merangkumi data demografi responden dan Bahagian B, menganalisis cara atau kaedah yang digunakan untuk mempengaruhi audiens melalui wacana persuasif.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Demografi Responden

Responden kajian terdiri daripada 107 pelajar yang terdiri daripada pelajar Kulliyah Pelancongan Mampan Dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ). Maklumat berkaitan responden ditunjukkan dalam jadual-jadual berikut:

Jadual 1: Demografi Responden

Jantina	Kekerapan	Peratusan %
----------------	------------------	--------------------

Lelaki	50	46.7
Perempuan	57	53.3
JUMLAH	107	100

Jadual 1 menunjukkan pembahagian analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 107 orang responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 50 orang lelaki (46.7%) dan 57 orang perempuan (53.3).

Jadual 2: Umur Responden

Unur	Kekerapan	Peratusan %
18-24	105	98.1
25-34	2	1.9
35-44	0	0
JUMLAH	107	100

Jadual 2 menunjukkan data demografi responden kajian ini terdiri daripada umur 18 sehingga 44 tahun. 18 sehingga 24 tahun seramai 105 orang (98.1%), 25 sehingga 34 tahun seramai 2 orang (1.9%) dan tiada responden terdiri daripada umur 35 sehingga 44 tahun.

Jadual 3: Tahap Pendidikan Responden


Pendidikan	Kekerapan	Peratusan %
Diploma	2	1.8
Ijazah Sarjana Muda	105	98.2
Sarjana	0	0
JUMLAH	107	100

Jadual 3 menunjukkan tahap pendidikan responden, iaitu Diploma seramai 2 orang (1.8%), Ijazah Sarjana Muda 105 orang (98.2%) dan tiada responden yang terdiri daripada tahap Sarjana.

Strategi Persuasif dalam Konteks Respons Terhadap Isu Semasa

Berdasarkan analisis data, kajian ini mendapati sebanyak 329 strategi persuasif yang diaplikasikan dalam komunikasi interpersonal, khususnya dalam konteks respons terhadap isu semasa. Analisis menunjukkan bahawa ketiga-tiga strategi persuasif ethos, pathos dan logos telah diaplikasikan dalam data kajian. Logos merupakan strategi retorik yang mendominasi kekerapan penggunaannya, iaitu sebanyak 182 (54.55%), manakala phatos 135 (42%) dan ethos 12 (3.5%) seperti yang dipaparkan pada Rajah 4 berikut.

Rajah 4. Strategi persuasif dalam Konteks Respons Terhadap Isu Semasa



Penggunaan strategi logos paling dominan dalam konteks respons terhadap isu semasa. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan logos digunakan melalui pemberian cadangan logik dan rasional yang bertujuan menyelesaikan masalah. Kajian ini hanya membincangkan enam data daripada 329 data yang mengandungi strategi retorik yang ditemui, iaitu dua data daripada setiap strategi retorik. Berikut merupakan huraian lanjut bagi setiap strategi retorik yang ditemui berdasarkan situasi yang diberi.

Situasi : Rakan anda berada dalam keadaan sedih kerana melihat isu sosial yang berlaku di dalam masyarakat. (kemasyarakatan).

Rakan anda berkata, **"Dunia semakin gila sekarang...Saya tidak boleh tidur atau makan kerana saya terus memikirkan isu-isu sosial yang berlaku di sekeliling saya.Hal ini menjejaskan prestasi kerja dan hubungan saya dengan orang lain."**

Apa yang akan anda katakan kepada rakan anda yang berada dalam situasi di atas?

Saya akan berkata "....."

Logos

Strategi retorik logos dapat diteliti berdasarkan pernyataan berikut:

1. "Awak jangan terlalu memikirkan isu sosial yang berlaku kerana kita tidak boleh mengawal apa yang berlaku.
2. Masalah dunia tidak akan habis, ambillah yang mana boleh membawa kebaikan pada diri kita dan orang sekeliling dan tinggalkan perkara-perkara yang tidak perlu dititikberatkan seperti gosip yang banyak mengundang keburukan kepada diri kita dan orang lain.

Berdasarkan hasil analisis kajian, strategi retorik logos dilihat sebagai pendekatan paling dominan yang digunakan dalam konteks komunikasi interpersonal berkaitan respons terhadap isu semasa. Logos merujuk kepada daya persuasif yang bertitik tolak daripada hujah rasional dan penalaran logik, iaitu penyampaian yang disokong oleh fakta, data, cadangan penyelesaian atau nasihat yang berasaskan pemikiran kritis serta wacana berstruktur (Aristotle, dalam Nur Ilyana Nasarudin et al., 2023).

Menerusi frasa "*Awak jangan terlalu memikirkan isu sosial yang berlaku kerana kita tidak boleh mengawal apa yang berlaku*". Penutur menggunakan pendekatan logos untuk mengemukakan penyelesaian berasaskan penilaian rasional terhadap situasi. Ujaran-ujaran ini berfungsi bukan sahaja untuk menenangkan emosi penerima, tetapi juga mendidik mereka agar berfikir secara realistik tentang keupayaan sendiri dan keperluan memilih isu yang wajar diberikan perhatian.Kajian oleh Dewi dan Aisha (2021) menyatakan bahawa keberkesanan komunikasi dalam menghadapi tekanan sosial banyak bergantung kepada keberupayaan penyampai menstruktur maklumat secara logik dan mudah diikuti. Dalam konteks yang sama, Sonja P. Brubacher et al. (2023) menjelaskan bahawa strategi logos membantu membina kredibiliti mesej dengan memberikan asas pemikiran yang munasabah,

khususnya dalam keadaan yang menuntut pertimbangan segera seperti tekanan akibat isu semasa.

Selain itu, penekanan terhadap rasionaliti dalam komunikasi persuasif dapat mengurangkan tekanan psikologi audiens kerana mesej yang diterima bersifat membina dan menyumbang kepada penyelesaian, bukan sekadar luahan emosi (Nur Ilyana Nasarudin et al., 2023). Dalam ujaran 2, “*Masalah dunia tidak akan habis, ambillah yang mana boleh membawa kebaikan pada diri kita dan orang sekeliling dan tinggalkan perkara-perkara yang tidak perlu dititikberatkan kerana banyak mengundang keburukan kepada diri kita dan orang lain...*” penutur menyeru pendengar untuk mengabaikan hal yang berlaku dan memberi tumpuan kepada hal-hal yang bermanfaat adalah strategi komunikasi berlandaskan pembinaan minda sihat, selaras dengan dapatan oleh Hazlin Falina (2020) yang menekankan pentingnya keseimbangan logik dalam komunikasi digital semasa. Tambahan pula, penggunaan struktur ayat imperatif (perintah) dalam bentuk nasihat lembut seperti “*awak jangan terlalu memikirkan...*”, “*ambillah yang mana... dan tinggalkan...*” memperkuat elemen pemujukan. Ayat-ayat imperatif ini tidak bersifat memaksa secara autoritatif, sebaliknya menunjukkan bentuk lakuan ucapan berbentuk arahan (*directive speech act*) yang digunakan dalam komunikasi sopan dan mesra, yang masih mengekalkan kuasa pengaruh dalam komunikasi interpersonal. Penutur memberikan arahan yang bertujuan menstruktur semula cara audiens memproses maklumat dan bertindak terhadap isu, tanpa memaksa mereka menerima secara mutlak.

Strategi komunikasi yang menyatukan pendekatan logos dengan imperatif berperanan besar dalam memperkuat kejelasan maklumat, di samping mencipta suasana komunikatif yang menyokong dan tidak bersifat menghakimi. Sementara itu, Brown dan Levinson (1987) dalam kerangka kesantunan bahasa juga menegaskan bahawa ujaran imperatif yang digabungkan dengan strategi kesantunan positif membolehkan mesej diterima secara konstruktif. Dari segi struktur linguistik, ujaran imperatif seperti ini mengaktifkan kesan psikologi terhadap penerima untuk mengambil tindakan tertentu berdasarkan logik yang dikemukakan, sekali gus mencerminkan pendekatan keberkesanan mesej dalam konteks komunikasi berorientasikan emosi dan tekanan sosial. Kesimpulannya, gabungan antara logos dan imperatif dalam ujaran-ujaran di atas membuktikan bahawa strategi persuasif dalam wacana interpersonal bukan sahaja menekankan kepada logik semata-mata, tetapi turut memperlihatkan peranan gaya bahasa dalam mengarah, membimbing dan

mengurangkan tekanan audiens dalam menghadapi isu semasa secara rasional dan konstruktif.

Phatos

Strategi retorik phatos pula dapat diteliti berdasarkan pernyataan berikut:

3. ...untuk terlalu memikirkan sehingga tak makan dan tidur cuma akan membahayakan diri sendiri apatah lagi apabila menjejaskan kerja dan hubungan dengan orang lain.

4. ... saya memahami bahawa isu-isu sosial boleh sangat membebankan dan mempengaruhi kesejahteraan kita.

Strategi pathos dalam wacana persuasif merujuk kepada usaha penutur menyentuh emosi pendengar sebagai medium pengaruh yang kuat. Dalam konteks respons terhadap tekanan isu semasa, pathos memainkan peranan signifikan dalam mencetuskan empati, keprihatinan, dan pengiktirafan terhadap kesakitan batin yang dialami oleh audiens.

Dalam ujaran (3), penutur menyampaikan keprihatinan melalui penggambaran kesan fizikal dan sosial yang buruk akibat tekanan emosi, iaitu "*tak makan dan tidur*", "*menjejaskan kerja*", dan "*hubungan dengan orang lain*". Ujaran ini bertujuan menyedarkan audiens tentang akibat berpanjangan dari tekanan tanpa menyalahkan, sebaliknya menimbulkan kesedaran diri.

Sementara itu, ujaran (4) menunjukkan elemen pengiktirafan emosi, apabila penutur berkata "*saya memahami*", menandakan penutur meletakkan dirinya dalam kedudukan audiens, satu ciri dominan dalam strategi pathos. Strategi retorik berbentuk pengakuan empati dalam komunikasi interpersonal berupaya membina kepercayaan dan membuka ruang respons yang lebih positif.

Penggunaan strategi pathos yang digabungkan dengan indikatif mencerminkan keberkesanan pendekatan persuasif berasaskan emosi rasional dalam konteks isu semasa, terutamanya apabila berhadapan dengan audiens yang sedang mengalami tekanan emosi. Zulkifli & Zulfadzlee (2022) dalam kajiannya turut menegaskan bahawa keseimbangan antara emosi dan bentuk pernyataan yang tidak mengancam merupakan strategi yang berkesan dalam mengekalkan kepercayaan dan keterlibatan audiens.

Strategi persuasif melalui pathos yang dirangka dalam struktur indikatif bukan sahaja menggalakkan tindakan (*change-oriented*), tetapi juga membina jalinan solidariti sosial yang

penting dalam konteks respons terhadap krisis sosial. Strategi pathos dalam bentuk empati dan pengakuan kesan emosi yang negatif, apabila digabungkan dengan penggunaan indikatif dalam struktur ayat, berupaya menyampaikan mesej yang menyentuh, meyakinkan dan diterima secara tidak defensif oleh audiens. Gabungan ini membuktikan bahawa wacana persuasif dalam komunikasi interpersonal yang efektif bukan sahaja memerlukan kandungan logik, tetapi juga pendekatan emosi yang terarah dan disampaikan dengan struktur linguistik yang menyokong.

Ethos

Strategi retorik ethos pula dapat diteliti berdasarkan pernyataan berikut:

5. Betul itu, saya setuju sangat, saya pun bimbang juga dengan keadaan yang berlaku sekarang.
6. "Saya faham perasaan awak. Memang sukar untuk menghadapi isu-isu sosial ini.

Strategi ethos dalam wacana persuasif merujuk kepada usaha penutur membina imej diri yang boleh dipercayai, berkredibiliti, dan memiliki autoriti moral. Dalam ujaran (5) dan (6), pendekatan ethos dizahirkan menerusi penggunaan frasa *seperti "saya setuju sangat", "saya pun bimbang juga" dan "saya faham perasaan awak"*, yang bertujuan membina hubungan interpersonal berasaskan kepercayaan dan empati. Strategi ethos bukan sahaja menekankan kredibiliti rasional, tetapi juga kredibiliti emosi dan sosial yang menjadikan penutur lebih dekat dan dipercayai oleh pendengar.

Kedua-dua ujaran dibina dalam gaya indikatif, iaitu melalui penggunaan ayat penyata yang menyampaikan maklumat atau pandangan tanpa tekanan atau paksaan. Gaya ini menekankan penyampaian yang berbentuk normalisasi pengalaman, contohnya frasa *"memang sukar"* dan *"saya pun bimbang juga"*. Gaya ini memberikan ruang penerimaan dan pengesahan terhadap kebimbangan audiens. Penggunaan indikatif dalam komunikasi interpersonal mengurangkan beban kognitif terhadap audiens, menjadikan mesej lebih mudah diterima dan tidak mengancam secara psikologi.

Ethos dalam petikan ini dibina melalui konsistensi antara emosi dan pendirian, iaitu apabila penutur bukan sekadar memahami situasi, tetapi turut berkongsi perasaan yang sama. Ini memperlihatkan keselarasan antara pengalaman peribadi dan keprihatinan sosial. Indrawati & Arina Johari (2020) menjelaskan bahawa dalam komunikasi persuasif

interpersonal, kesesuaian antara ucapan dan emosi meningkatkan kredibiliti sosial penutur, yang penting dalam meyakinkan audiens secara tidak langsung.

Dalam konteks isu semasa yang menekan, strategi ethos menjadi penting kerana audiens memerlukan panduan daripada individu yang diyakini. Dengan menggunakan indicative mood dan pernyataan simpati, penutur memberikan ruang kepada penerima mesej untuk merasa didengari dan disokong. Penggunaan unsur ethos dalam komunikasi krisis sosial dapat menggalakkan tindak balas emosi yang positif serta memperkuat jaringan sosial dalam komuniti.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa wacana persuasif memainkan peranan yang signifikan dalam menangani tekanan emosi dan psikososial individu yang terdedah kepada isu-isu semasa melalui media sosial. Dengan memberi tumpuan kepada strategi komunikasi interpersonal, kajian ini mendedahkan bahawa strategi logos merupakan bentuk pemujukan yang paling dominan digunakan, diikuti oleh pathos dan ethos. Dominasi logos menunjukkan kecenderungan masyarakat untuk merespons isu-isu semasa secara rasional dan berstruktur, sementara penggunaan pathos memperlihatkan elemen empati dan pengiktirafan terhadap penderitaan emosi audiens. Strategi ethos pula, walaupun kurang digunakan, tetap memainkan peranan penting dalam membina kredibiliti dan hubungan kepercayaan antara penutur dan pendengar.

Gabungan penggunaan struktur linguistik seperti imperatif dan indikatif dalam strategi retorik menunjukkan bahawa wacana persuasif bukan sekadar berasaskan kandungan, tetapi juga pada gaya penyampaian yang beretika dan empatik. Hasil dapatan ini mengukuhkan lagi kepentingan menguasai strategi komunikasi yang seimbang antara rasionaliti dan emosi, terutama dalam era digital yang mencabar kestabilan emosi pengguna. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada bidang linguistik dan komunikasi dengan memperlihatkan keupayaan bahasa sebagai alat intervensi sosial yang bukan sahaja menyampaikan maklumat, malah berfungsi sebagai mekanisme psikologi untuk pemulihan emosi, pembinaan solidariti sosial dan pemupukan kesedaran kolektif. Oleh itu, penguasaan strategi wacana persuasif yang etikal dan kontekstual perlu dimantapkan dalam pendidikan

dan latihan komunikasi, agar masyarakat dapat membentuk interaksi yang lebih inklusif, berkesan dan berperikemanusiaan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz, A. R., Kasmani, M. F., & Ab Razak, N. H. (2021). Implikasi ketagihan media sosial terhadap kesihatan mental remaja semasa pandemik COVID-19. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(8), 66–81.
- Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge University Press.
- Brubacher, S. P., Powell, M. B., Lockwood, K., Dennison, S., McGee, T. R., & Ransley, J. (2023). The importance of enhancing the communication skills of incarcerated mothers. *Aggression and Violent Behaviour*, 70,. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2023.101825>
- Dewi, G. T., & Aisha, H. (2021). Penggunaan bahasa retorik dalam wacana kerajaan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2), 45–58.
- Dewi, G. T., Ismail, S., & Widyastuti, W. T. (2022). Strategi persuasif dalam iklan produk L'Oréal Paris. *Journal of French Teaching, Linguistics, Literature and Culture*, 1(1), 43–50.
- Fuhat, S., & Abdul Wahab, J. (2024). Rhetoric on trial: An Aristotelian insight into Najib Razak's corruption case. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 24(3). <http://doi.org/10.17576/gema-2024-2403-05>
- Hajar, S. A., & Anshori, M. S. (2022). Strategi komunikasi persuasif Farah Qoonita dalam menyampaikan dakwah melalui new media. *Jurnal Pendidikan dan Ilmu Sosial*, 1(2).
- Imran, H. A., & Hashim, N. (2023). Retorik wacana kesihatan di media sosial. *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu* (RENTAS 2023).
- Keraf, G. (2007). *Argumentasi dan narasi*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kamil, S. M., Chai, N. C., & Ting, S.-H. (2022). Logos, pathos and ethos in Mahathir Mohamad's speeches during his comeback as prime minister of Malaysia. *Trends in Undergraduate Research*, 5(1), 1–13. <https://doi.org/10.33736/tur.4539.2022>
- Muhammad Adnan Pitchan, Nor Hajar Ummiah Osman (2024). Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam Penyampaian Ceramah Keselamatan Siber Polis Diraja Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jilid 40(3) 2024: 229-246. □

- Nasarudin, N. I., Abd Rahim, M. H. I., Shareh Musa, S. M., & Kasim, N. (2023). Keberkesanan komunikasi dalam organisasi ke arah kejayaan sesebuah projek pembinaan. *Research in Management of Technology and Business*, 4(1), 1280-1292. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/11719/3691>
- Nia Ramadhani, Siti Fatimatus Syarifah, Gesha Ayu Hanafiah, Ulfa Malikatuz Zahroh, dan Mu'alimin. (2024). Strategi Komunikasi Persuasif Dalam Menangani Konflik Bullying Di Pesantren: Sebuah Kajian Literatur. *Journal Of International Management*. 3.(2). 105-115. <https://doi.org/10.62668/jim.v3i02.1275>
- Rahmatullah, T. (2021). Teknologi persuasif: Aktor penting media sosial dalam mengubah sikap dan perilaku pengguna. *Jurnal Soshum Insenti*, 4(1), 60-78. <https://doi.org/10.36787/jsi.v4i1.509>
- Rustudan, M. F. A., & Idrus, A. I. (2024). Penggunaan retorik dalam lirik lagu Teman Pengganti karya Malique. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 64-74.
- Rosli, H. F. (2020). Sikap penerimaan masyarakat terhadap program pengacaraan televisyen bual bicara berbahasa Inggeris di Malaysia. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 180-189. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/780>
- Siti Nurul Jannah Fital dan Junaini Kasdan. (2024). Analisis Persepsi Generasi Z Terhadap Bahasa Melayu Dari Perspektif Sosiokognitif. *Journal of Communication in Scientific Inquiry (JCSI)*. Vol.4(2), 169-181
- Ulinsaa, Ali Karim, Idris Pattekaic, Efendid, dan Mutmainahe (2022). Penerapan Bahasa Persuasif Dalam Mengikis Insecure Remaja Di Kota Palu. Ranah. *Jurnal Kajian Bahasa*, 12(1). doi: <https://doi.org/10.26499/rnh.v12i1.5209>
- Wardiansyah, J. A. (2022). Pengaruh Insecure Terhadap Interaksi Sosial Pada Santri Babun Najah. Aflah Consilia: *Jurnal Bimbingan dan Konseling*, 01(1), 5. <http://ejournal.iaingawi.ac.id/index.php/aflah/index>
- Wahyu Aulizalsini Alurmei1 , Nabilah Helya Diana2 , Sandra Mutiara Tirta3 , Yesa Privi Azahra4 ,Intan Fadilah Nasution. (2024). Rasa Insecure Pada Remaja Terhadap Hubungan Sosialnya. *Jurnal Insan Pendidikan dan Sosial Humaniora*. Vol.2(1), 278-285
DOI: <https://doi.org/10.59581/jipsoshum-widyakarya.v2i1.2555>

- Zahid, I., & Johari, A. (2020). Kesantunan Melayu: Analisis konteks perbualan dalam rancangan bual bicara. *GEMA Online@Journal of Language Studies*, 20(4), 90-107.
<https://doi.org/10.17576/gema-2020-2004-06>
- Zulkifli, N., & Zulfadzlee, Z. (2022). Percampuran kod dalam drama The Hotel 2021. *Jurnal Bahasa*, 44(3), 34-51.

PENGHARGAAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh MAIPs-IIUM Jamalullail Research Grant Scheme (JRGS), Kod Projek (JRRGS-24-OOB-OOOB).



PROCEEDING OF THE

5th

ICICM

INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIC
CONTEMPORARY ISSUES AND MANAGEMENT

❁ 2025 ❁

eISSN 3120-3531



Penerbit UniSIRAJ
www.kuips.edu.my
emel : penerbit@unisiraj.edu.my